

Nasional

(19 JANUARI 2021) Berita Harian, P-6

Program vaksin dijangka meliputi 27 juta rakyat

Bekalan dijangka diterima penghujung Februari



Katanya, melalui Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 yang ditubuhkan, kerajaan akan memastikan ketelusan perolehan vaksin dan Program Imunisasi Kebangsaan akan diberi perhatian utama.


"Sebanyak RM3 bilion telah diperuntukkan khusus bagi perolehan ini," katanya.

Muhyiddin berkata demikian dalam pengumuman khas Pakej Bantuan Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAI) yang disiarkan secara langsung, semalam.

Perdana Menteri juga menjelaskan, Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam telah memutuskan hukum penggunaan vaksin COVID-19 adalah harus dan bagi golongan yang ditetapkan, hukumnya adalah wajib.

"Menentukan kemaslahatan komuniti bagi melindungi manusia daripada dijangkiti penyakit berbahaya bukan perkara asing dalam perspektif syarak," katanya.

Sementara itu, Pengarah Eksekutif Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF), Datuk Shamsuddin Bardan, berkata kerajaan perlu menetapkan kadar



Program vaksinasi COVID-19 dijangka meliputi lebih 80 peratus penduduk Malaysia menjelang suku pertama 2022.

(Foto hiasan)

caj perkhidmatan ujian saringan COVID-19 yang dikenakan terhadap majikan, selari usaha mengekang penularan dalam kalangan pekerja asing.

Beliau berkata, caj dikenakan penyedia perkhidmatan saringan COVID-19 ketika ini antara RM30 hingga RM80 setiap ujian dan julat caj perkhidmatan sedemikian berupaya menjadi kekangan kewangan kepada majikan untuk membawa pekerja asing mendapatkan saringan di pusat kemudahan kesihatan.

"Justeru, kerajaan harus membuat satu keputusan segera mengenai kadar caj perkhidmatan dikenakan bagi satu ujian.

"Meskipun kit saringan CO-

VID-19 dibekalkan secara percuma menerusi Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), majikan masih perlu membayar caj perkhidmatan apabila membawa pekerja mereka mendapatkan pemeriksaan.

"Sebagai majikan, kita mengambil keputusan untuk tidak membawa pekerja asing ke pusat kemudahan kesihatan bagi mendapatkan saringan kerana bimbang berupaya mengundang risiko penularan kepada orang ramai.

"Maka, majikan lebih cenderung supaya proses saringan dijalankan di tempat kerja, namun ia memperuntukkan caj perkhidmatan tinggi," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Kuala Lumpur: Program vaksinasi COVID-19 dijangka dapat meliputi lebih 80 peratus atau hampir 27 juta penduduk Malaysia menjelang suku pertama 2022.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata perancangan program berkenaan berada pada landasannya dengan kerajaan sudah menandatangani tiga perjanjian dengan syarikat pengeluar vaksin dan dijangka menerima bekalan vaksin pertama penghujung Februari ini.

"Bagi penetapan mereka yang akan menerima vaksin ini kelak, dalam sedikit masa lagi, garis panduan dan kaedah penentuan bagi individu yang perlu mengambil vaksin ini akan dihebahkan.

"Realistiknya, program vaksinasi ini dijangka berjalan secara berperingkat sehinggalah tempoh keseluruhannya selama 12 bulan. Ini bermakna, kumpulan pertama yang dijangka menerima vaksin adalah pada awal Mac.

"Ia dapat meliputi lebih daripada 80 peratus atau hampir 27 juta penduduk Malaysia menjelang suku pertama tahun 2022," katanya.